

PERATURAN PERTANDINGAN TENPIN BOWLING TERBUKA
PUSPANITA SELANGOR 2022



1. PERATURAN AM

- 1.1. Pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan Kongres Tenpin Bowling Malaysia (MTBC) dan FIQ.
- 1.2. Sekiranya timbul perselisihan dari segi penafsirannya, Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
 - 1.2.1. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada **Peraturan FIQ**.
 - 1.2.2. Semua keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa Teknikal Pertandingan Tenpin Bowling PUSPANITA Negeri Selangor 2022 adalah **muktamad**.

2. TEMPAT DAN TARIKH PERTANDINGAN

- 2.1. Tempat pertandingan tenpin bowling ialah di:
Wangsa Bowl Setia City Mall, Setia Alam Shah Alam
- 2.2. Tarikh pertandingan tenpin bowling ialah pada:
25 Februari 2022 (Jumaat)

3. ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

- 3.1. Acara yang dipertandingkan ialah Bertiga Berpasukan.

4. SISTEM PERTANDINGAN

4.1. ACARA BERKUMPULAN

- 4.1.1. Pertandingan ini dijalankan secara kombinasi tiga (3) orang pemain sepasukan.
- 4.1.2. Setiap pasukan (3) orang akan bermain 3 games seorang dengan jumlah keseluruhan games yang akan dijalankan oleh setiap pasukan bertiga sebanyak 9 games.

PERATURAN PERTANDINGAN TENPIN BOWLING TERBUKA
PUSPANITA SELANGOR 2022

4.1.3. Keputusan pertandingan akan ditentukan bagi berpasukan (3 orang) dari jumlah jatuhan pin tertinggi dari 9 games.

4.1.4. Sekiranya semua perlawanan selesai, terdapat 2 pasukan atau lebih didapati memperoleh jumlah jatuhan pin yang sama atau seri, maka kaedah menentukan pemenang adalah seperti berikut :-

- i. Jumlah jatuhan pin pasukan terbanyak bagi permainan terakhir (game ketiga) dianggap sebagai pemenang.
- ii. Jika masih juga sama, jumlah jatuhan pin pasukan terbanyak bagi permainan terakhir (game kedua) dianggap sebagai pemenang.

5. PENYERTAAN

5.1. Penyertaan adalah terbuka hanya kepada ahli PUSPANITA negeri Selangor.

5.2. Setiap pasukan dikenakan bayaran Yuran Penyertaan sebanyak **RM150.00 sepasukan.**

5.3. Hanya **36 pasukan terawal sahaja** layak menyertai pertandingan ini.

6. KELAYAKAN PESERTA DAN PEMAIN GANTIAN

6.1. Hanya peserta yang didaftarkan layak menyertai pertandingan ini.

6.2. Pertukaran nama-nama peserta boleh dilakukan selewat-lewatnya sehari sebelum pertandingan.

7. CARA PERMAINAN

7.1. Semua pasukan akan bermain secara '**cross lane**' sehingga tamat permainan.

8. PERATURAN DALAM SUSUNAN PERMAINAN (ORDER OF PLAY)

8.1. Pemain-pemain acara berpasukan mesti bermain mengikut susunan yang didaftarkan dalam permainan (game) yang pertama sehingga tamat permainan.

PERATURAN PERTANDINGAN TENPIN BOWLING TERBUKA
PUSPANITA SELANGOR 2022

9. MENARIK DIRI DARI PERTANDINGAN (WALK OVER)

- 9.1. Mana-mana pasukan yang menarik diri setelah permainan dimulakan, penyertaan akan hilang kelayakan untuk bermain dalam permainan seterusnya.
- 9.2. Pemain yang menarik diri atau memberikan 'walk over' dalam suatu permainan akan hilang kelayakan untuk bermain dalam permainan seterusnya.
- 9.3. Jika berlaku kemalangan atau kecederaan terhadap seseorang pemain semasa pertandingan yang disahkan oleh pegawai teknikal bertugas dan memohon untuk menarik diri, jatuhan pin bagi game yang telah selesai akan diambil kira, tetapi sekiranya permainan dihentikan pada pertengahan permainan, tiada jatuhan pin diambil kira. Bagi game yang berikutnya, pemain tersebut akan diberikan 'blind score' sebanyak 50 mata. Tiada pemain gantian diberikan.
- 9.4. Mana-mana pasukan yang pemainnya kurang dari 4 orang tetapi tidak kurang dari 3 orang semasa pertandingan dimulakan, pasukan tersebut akan kekal dengan 3 orang pemain hingga tamat permainan.
- 9.5. Mana-mana pasukan yang didapati menukar pemain setelah permainan dimulakan, penyertaan pasukan tersebut akan dibatalkan tanpa amaran.

10. PENGESAHAN KEPUTUSAN

- 10.1. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pemain / pasukan untuk mengesahkan keputusan perlawanannya dalam skor yang telah disediakan.
- 10.2. Keputusan setelah disahkan hanya boleh dibantah dengan kebenaran pengarah pertandingan (Tournament Director).

11. GANGGUAN PERMAINAN

- 11.1. Pengarah Pertandingan mempunyai kuasa muktamad untuk membuat arahan supaya permainan yang terganggu dipindahkan ke sepasang lorong baru sekiranya lorong di mana permainan itu berlangsung ditimpa masalah kerosakan mesin atau kerosakan-kerosakan lain.

PERATURAN PERTANDINGAN TENPIN BOWLING TERBUKA
PUSPANITA SELANGOR 2022

11.2. Permainan (game) yang terganggu itu mesti disambung dari frame dimana gangguan itu berlaku.

12. BERMAIN DILORONG YANG SALAH

12.1. Bila seseorang peserta yang bermain dalam lorong yang salah dan kesalahan ini ditemui sebelum peserta lain membuat balingannya, maka balingan itu akan dianggap sebagai bola mati (dead ball) dan peserta tersebut dikehendaki bermain frame yang kemudiannya pada lorong yang salah tadi.

12.2. Sekiranya kesalahan itu hanya ditemui selepas peserta kemudian membaling bolanya, maka mata yang diperolehi itu akan diambil kira dan peserta tersebut dikehendaki bermain semula frame yang kemudiannya pada lorong yang salah tadi.

13. WAKTU MELAPOR DIRI

13.1. Semua peserta mesti melaporkan diri 30 minit sebelum pertandingan dimulakan. Peserta yang lewat akan hilang kelayakan untuk bertanding dalam pertandingan tersebut.

14. MEMPERLAHANKAN PERMAINAN (SLOW BOWLING)

14.1. Seseorang pemain yang bersedia untuk membaling bolanya harus mengetahui hak dan obligasinya.

14.2. Beri laluan kepada pemain disebelah kanannya yang telah bersedia untuk membaling (right of way).

14.3. Semua peserta harus bersedia untuk membuat balingan bila sampai gilirannya dan tidak harus melambatkan permainan atau balingannya.

14.4. Sekiranya terdapat peserta yang tidak mematuhi peraturan 14.3 di atas, dia akan diberi amaran dengan isyarat kad putih untuk kesalahan pertama, kad kuning atas kesalahan kedua dan kad merah untuk kesalahan berikutnya dalam suatu blok permainan. Tiada mata baginya (jatuhan pin) bagi game tersebut.

PERATURAN PERTANDINGAN TENPIN BOWLING TERBUKA
PUSPANITA SELANGOR 2022

15. KEHILANGAN SKOR SEMASA GANGGUAN ELEKTRIK

15.1. Sekiranya berlaku gangguan elektrik dan skor hilang dalam monitor dan tidak dapat dipulihkan, maka pemain-pemain yang terlibat dikehendaki bermain semula 'game' tersebut. tetapi jika skor telah dicatat semula maka pemain akan meneruskan permainan dari frame di mana ia telah berhenti/terhenti sebelum ini.

15.2. Permainan yang mana skornya telah dicatatkan itu akan dikekalkan.

15.3. Pasukan atau peserta tidak boleh mengambil kesempatan ini untuk meminta supaya game itu dibatalkan atau dimainkan semula.

16. PAKAIAN

16.1. Semua peserta hendaklah memakai baju t-shirt PUSPANITA / Unggu beserta seluar sukan.

16.2. Dilarang memakai seluar jeans.

17. PERUNTUKAN LORONG

17.1. Peruntukan lorong akan ditetapkan terlebih dahulu mengikut pasukan yang bertanding.

18. MARSHALL DAN PACER

18.1. Semasa pertandingan, urusetia pertandingan akan menempatkan seorang Marshall pada setiap pasang lane bagi mengawasi pertandingan. Manakala Pacer pula akan ditempatkan bagi mengisi kekosongan pada lane tertentu.

19. LARANGAN

19.1. Peserta adalah dilarang merokok dan berada di bawah pengaruh alkohol semasa pertandingan berjalan.

19.2. Sekiranya ada peserta yang melanggar peraturan ini, penyertaan dalam pertandingan ini akan dibatalkan serta-merta.

19.3. Minuman bukan alkohol adalah dibenarkan.

PERATURAN PERTANDINGAN TENPIN BOWLING TERBUKA
PUSPANITA SELANGOR 2022

- 19.4. Minuman, tepung bedak, puffball serta sebagainya tidak boleh ditinggalkan diatas meja 'console'.
- 19.5. Pengurus bagi setiap pasukan adalah diminta memastikan agar penyokong atau pemain masing-masing tidak membuat bising atau sorakan yang keterlaluan semasa pertandingan kerana ianya akan mengganggu pemain pasukan lain yang sedang dan akan membuat balingan. Memadai dengan hanya tepukan tangan yang sederhana.
- 19.6. Hanya pemain dibenarkan dalam kawasan permainan kecuali Pengawal Pertandingan (marshall) yang bertugas. Selain itu, tidak dibenarkan memasuki kawasan permainan.

20. BANTAHAN / TATATERTIB

- 20.1. Semua pasukan dibolehkan membuat bantahan melalui pengurus pasukan sahaja. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan wang bantahan sebanyak RM500.00 tunai.
- 20.2. Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan adalah didapati tidak wajar dan tidak berasas.
- 20.3. Bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah / Pegawai Pertandingan dalam masa satu jam selepas pertandingan itu tamat.

21. JAWATANKUASA RAYUAN DAN TEKNIKAL

- 21.1. Jawatankuasa Rayuan dan teknikal adalah terdiri dari Pengerusi Kejohanan, Pengarah Pertandingan, Pegawai Teknikal dan wakil pengurusan bowling centre.
- 21.2. Tugas-tugas jawatankuasa ini termasuk :-
 - 21.2.1. Membuat keputusan atas segala rayuan / bantahan yang dikemukakan.
 - 21.2.2. Membuat keputusan atas tindakan tatatertib terhadap tingkahlaku peserta dan pegawai pasukan.
 - 21.2.3. Membuat keputusan atas perkara-perkara berbangkit yang mana tidak merangkumi oleh peraturan ini.

PERATURAN PERTANDINGAN TENPIN BOWLING TERBUKA
PUSPANITA SELANGOR 2022

21.3. Peraturan ini, kecuali dimana perkara berbangkit itu tidak terkandung dalam peraturan ini. Semua Ahli Jawatankuasa berhak untuk satu undi dalam semua mesyuarat. Dalam keadaan dimana undi itu seri, Pengerusi sendiri mempunyai satu undi tambahan.

21.4. Jawatankuasa Rayuan Teknikal ini mempunyai kuasa untuk memutuskan sesuatu keputusan perlawanan itu 'null and void' atau sebarang keputusan lain dan keputusan ini adalah muktamad dan tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak.

21.5. Jawatankuasa Rayuan Teknikal tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mengubah peraturan ini. Ia juga tidak boleh menentukan jenis acara yang harus diadakan. Jawatankuasa ini mesti bertindak di dalam kandungan.

22. SENARAI NAMA PEMAIN

22.1. Senarai nama pemain pasukan akan disahkan dan diterima semasa taklimat pengurus pasukan. Keputusan adalah muktamad. Sebarang pertukaran tidak dibenarkan selepas taklimat tersebut.

23. HADIAH-HADIAH PENYERTAAN

ACARA	BILANGAN HADIAH				
	JOHAN	NAIB JOHAN	KE-3	KE-4	KE-5
Berkumpulan (3 orang)	Wang Tunai + Medal + Trofi	Wang Tunai + Medal	Wang Tunai + Medal	Wang Tunai + Medal	Wang Tunai + Medal

ACARA	BILANGAN HADIAH		
	KE-6	KE-7	KE-8
Berkumpulan (3 orang)	Wang Tunai + Medal + Trofi	Wang Tunai + Medal	Wang Tunai + Medal

Disediakan Oleh :

PERATURAN PERTANDINGAN TENPIN BOWLING TERBUKA
PUSPANITA SELANGOR 2022

Urusetia Teknikal

Pertandingan Tenpin Bowling PUSPANITA Selangor 2022